


# UMAT ISLAM

LAIN  
DAHULU

LAIN  
SEKARANG

UMMU MUHAMMAD



Diterbitkan Oleh:  
**Dakwah Corner Bookstore (M) Sdn. Bhd.**  
No. 7, Jalan Dato Abdul Aziz, Section 14,  
46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan,  
MALAYSIA  
T: +603-7956 4664

**Terbitan Pertama:**

2023

**Tajuk:**

Umat Islam:  
Lain Dahulu,  
Lain Sekarang

**Pengarang:**

Ummu Muhammad

**ISBN:**

978-967-5699-90-0

**Reka Bentuk Buku:**

Norashikin Yussof

**Pengatur Huruf:**

Penerbit Begawan

**Dicetak Oleh:**

Fussian Advertising &  
Printing Sdn Bhd

**Hantarkan komen anda  
tentang buku ini ke:**

dakwahcornerpublications  
@gmail.com

National Library of Malaysia *Cataloguing-in-Publication Data*

1. Qur'an--Criticism, interpretation, etc. 2. Hadith--Criticism, interpretation, etc.  
3. Islam--Doctrines. 4. Muslims--Conduct of life.  
5. Islam--Customs and practices. I. Judul. 297.12

**Kedai-kedai Cawangan:**

**MALAYSIA**

Dakwah Corner Bookstore  
Section 14, Petaling Jaya,  
Selangor D.E  
Tel : +603 7956 4664

**SAUDI ARABIA**

Dakwah Corner Bookstore  
Makkah Commercial Centre,  
Holy Makkah  
Tel: +966 125311 895

**NIGERIA**

Dakwah Islamic Bookshop  
UAC Building, Abuja  
Tel: +234 805 603 7779

Ampang Point

Shopping Centre  
Tel: +603-4266 9692

**PHILIPPINES**

Dakwah Corner Bookstore  
Falcatan Street Tetuan  
Zamboanga City  
Tel: +63 926 5284

**Diedarkan Oleh:**

Salaam Media International  
Singapore  
Tel: +65 6396 4121


**HAK CIPTA TERPELIHARA ©**

2023 Dakwah Corner Bookstore (M) Sdn. Bhd.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel,  
ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa cara sekalipun,  
sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau  
cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada  
Dakwah Corner Bookstore (M) Sdn. Bhd.



*Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih  
Lagi Maha Penyayang*




## Prakata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّ رُورِ  
أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مِنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضْلُلٌ لَهُ وَمِنْ يَضْلُلُ  
فَلَا هَادِيٌ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنْ  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ



Pengajian subjek akidah Islam terbahagi kepada dua aspek. Pertama: pengajian akidah Islam yang suci seperti yang terkandung dalam dua sumber wahyu sahih iaitu al-Quran dan al-Sunah, dan akidah suci ini kekal terpelihara hingga ke akhir zaman. Kedua: pengajian akidah pegangan umat Islam yang tidak



mustahil boleh berbeza daripada akidah Islam yang suci itu. Sejarah telah membuktikan bahawa akidah umat Islam telah terdedah kepada pelbagai unsur pencemaran dan penyelewengan yang akhirnya telah memecah belahkan umat ini kepada aliran pemikiran yang pelbagai dalam akidah mereka.


Riwayat hadis yang sahih juga telah mengkhabarkan akan fenomena perpecahan umat ini kepada banyak golongan dan mengkhabarkan juga bahawa hanya satu sahaja daripada golongan ini yang akan kekal berada di atas ajaran Islam yang suci—justeru dijanjikan selamat. Golongan ini dikenali sebagai **Ahli Sunah wal Jama'ah** yang ciri utamanya ialah peggangan teguhnya pada akidah al-Quran dan al-Sunah, berpandukan pemahaman al-Salaf al-Soleh.

Mencari akidah yang hak dan berpegang teguh kepadanya adalah fardu 'ain atas setiap individu muslim kerana akidah atau iman adalah asas agama Islam. Akidah bersifat individu. Ia berada dalam hati masing-masing dan tiada siapa yang boleh menumpang akidah orang lain, walaupun orang yang sangat dikasihi seperti ibu bapa, anak, suami atau isteri.




Umat Islam di negara ini tidak terkecuali daripada tuntutan menilai semula akidah mereka dan mengembalikannya—if perlu—kepada akidah al-Quran dan al-Sunah yang suci sepetimana pegangan al-Salaf al-Soleh. Saranan ini dibuat berdasarkan realiti yang tidak dapat dinafikan bahawa akidah pegangan majoriti mereka ternyata telah menjadi bercampur baur antara hak dan batil, tauhid dan syirik. Umat Islam dalam masyarakat ini mengerjakan ibadat dan melaksanakan suruhan Allah ﷺ. Akan tetapi, kepercayaan serta amalan syirik masih berleluasa di kalangan mereka sehingga kelihatan seakan tidak terbendung. Padahal Islam adalah agama yang berteraskan tauhid suci yang mustahil sama sekali berhimpun dengan syirik.

Islam telah bertapak dan diwariskan turun temurun di daerah Nusantara lebih sepuluh abad. Sepanjang jangka masa itu hingga kini, Islam sentiasa berada dalam keadaan harmoni dan bertoleransi terhadap kepercayaan asli penduduk tempatan yang merupakan sinkretisme antara animisme (kepercayaan kepada kewujudan kuasa semula jadi dan amalan menyembah roh nenek moyang) dengan agama Hindu-Budha (berteraskan pemujaan pelbagai dewa) yang tiba di Nusantara sebelum Islam. Sejak kedatangan Islam, tauhid dan syirik telah saling berkompromi dalam




akidah dan amalan masyarakat Nusantara dan kerancuan ini telah diwariskan turun temurun hingga kini. Seorang muslim dalam masyarakat ini mengerjakan solat lima waktu sehari semalam dan berpuasa di bulan Ramadan, lillahi ta'ala. Akan tetapi, apabila masuk ke hutan dia memohon perlindungan daripada gangguan dan kemudaran dari roh nenek moyang dengan menyeru: "Tabik nenek tabik datuk, anak cucu tumpang lalu!" Wanita dalam nifas yang diharankan daripada menunaikan solat, dicucuk sanggulnya dengan paku besi untuk melindunginya daripada gangguan makhluk halus. Ramai yang lain mendapatkan khidmat bomoh dan pawang untuk memperolehi hajat atau perlindungan tertentu. Tidak termasuk yang masih memakai tangkal di badan, menanam sesuatu di penjuru-penjuru rumah demi tujuan perlindungan dan banyak lagi. Tauhid dan syirik yang bersifat saling berlawanan, seolah-olah boleh berhimpun dalam satu jiwa seseorang yang meyakini dirinya muslim tulen kerana mengerjakan perintah-perintah Allah ﷺ.

Secara perbandingan, tauhid yang suci yang diwahyukan ke atas Rasulullah ﷺ telah berjaya membasmi syirik di tanah Arab sehingga ke akar umbinya. Syirik tidak mungkin berhimpun bersama tauhid dalam pegangan seseorang. Apabila ada




syirik, tauhid akan terbatal secara automatik. Hakikat ini secara langsung memberi penjelasan terhadap fenomena yang berlaku di Nusantara dan mungkin juga di tempat-tempat lain di mana Islam telah tersebar. Bahawa Islam yang dibawa ke Nusantara bukanlah dalam bentuk atau wajahnya yang asli dengan tauhidnya yang suci, tetapi dengan wajah dan tauhid yang telah tercemar. Hanya tauhid yang tercemar berpotensi untuk digabung dan dikompromikan dengan syirik.

Sejak beberapa dekad mutakhir ini, telah muncul di kalangan masyarakat Nusantara seruan untuk kembali kepada ajaran asli al-Quran dan al-Sunah; demi menegakkan tauhid yang suci dan membanteras syirik hingga ke akar umbi. Dengan aliran pegangan warisan tradisi yang merupakan sinkretisme antara hak dan batil; tauhid dan syirik yang telah lama menguasai pemikiran penduduk tempatan, maka tidak hairanlah seruan itu berhadapan tentangan yang keras dan usaha murni itu ibarat menongkah arus yang deras. Masyarakat yang mencampuri antara hak batil dan perkara ini lama sebatи dalam jiwa mereka, lalu menjadi darah daging mereka pasti mendapat kesukaran untuk menerima perubahan yang menuntut mereka menyisihkan sepenuhnya kebatilan itu.



Beginilah ringkasan gambaran realiti akidah umat Islam pada hari ini yang masih ramai tidak menyedarinya. Sesiapa jua yang terperangkap dalam pertembungan ini seharusnya merasa cemas sekiranya belum melakukan sesuatu untuk melepaskan diri daripada belenggu konflik ini. Tindakan pertama yang harus dilakukan ialah mencari kepastian terhadap pegangannya, hak yang mana harus diperkuuhkan dan batil yang mana harus dikikis, berpandukan petunjuk al-Quran dan al-Sunah yang sahih dengan setulus keikhlasan, meletakkan keredaan Allah sebagai matlamat yang pertama dan terakhir.

Buku kecil ini diharap akan menjadi siri permulaan usaha dalam menyingkap kebatilan tebal yang telah lama melitupi akidah umat Islam di Nusantara, khususnya Malaysia. Kebatilan harus ‘disiat’ satu persatu sehingga hak benar-benar terserlah. Ibarat menuang susu ke dalam cawan yang dipenuhi kopi: sekiranya kopi itu tidak dibuang dan cawan tidak dibersihkan, amat sukar untuk mendapatkan susu yang bersih dalam cawan itu. Begitu juga, selagi kebatilan tidak diperjelaskan dan dikikis, mustahil hak akan dapat diperolehi.




Mudah-mudahan pendekatan ini dapat memberi panduan bagi mereka yang berhasrat mengembalikan pegangannya pada ajaran al-Quran dan al-Sunah yang suci: pertama dalam akidahnya, seterusnya dalam ibadatnya.

Semoga Allah mengurniakan taufik-Nya kepada yang tulus mencari keredaan-Nya.



**Ummu Muhammad**

16 September 2021




## *Tentang Penulis*


Ustazah Umm Muhammad (nama pena) ialah seorang pendidik, penulis dan penceramah yang bergiat aktif dalam lapangan dakwah di Malaysia sejak beliau menamatkan pengajiannya dari Universiti Ummul Qura yang masyhur di Kota Suci Mekah.

Selain memiliki Sarjana Muda dalam bidang Usuludin dari alma mater beliau, Ustazah Umm Muhammad juga mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang cukup meluas dalam pengajaran akidah di pelbagai institusi-institusi termasuklah Sekolah Kiblah Selangor.

Beliau turut menumpahkan bakti dan sebahagian besar waktu lapangnya dalam menjalankan kerja-kerja dakwah bebas, di samping menulis dalam bidang akidah Islam.




Ustazah Umm Muhammad berharap para pembaca dapat membaca buku ini dengan hati yang lapang dan minda yang terbuka; bersedia menerima kebenaran walaupun sangat pahit, juga membuang kebatilan walaupun sudah sebat dengan darah daging. Tiada yang lebih penting bagi seorang hamba kecuali mendapat petunjuk untuk berada di atas jalan Allah ﷺ yang lurus—siratullah al-mustaqim—iaitu jalan al-Quran dan al-Sunah, satu-satunya jalan yang bakal membawanya ke pintu syurga, dengan izin Allah ﷺ.



# Kandungan

Prakata.....	4
Tentang Penulis .....	11
Kandungan .....	13
<b>Bab 1</b>	
MENCARI AL-SIRAT AL-MUSTAQIM: SATU CABARAN .....	17
<b>Bab 2</b>	
AL-QURAN DAN HADIS MENGKHABARKAN BAHAWA GOLONGAN YANG SESAT LEBIH RAMAI DARIPADA YANG BERADA DI ATAS JALAN ALLAH ﷺ YANG LURUS. FENOMENA YANG SAMA JUGA TELAH BERLAKU KEPADA PENGANUT AGAMA SAMAWI TERDAHULU .....	19
i. Dalil Al-Quran yang Membuktikan Bahawa Majoriti Manusia Termasuk Juga Umat Islam yang Telah Sesat .....	20
ii. Dalil Daripada Hadis Rasulullah ﷺ .....	25
iii. Perihal Al-Aswad Al-A'dzam (السود الأعظم) .....	31
<b>Bab 3</b>	
KESIMPULAN DARIPADA PERKHBARAN AL-QURAN DAN HADIS DI ATAS TENTANG APA YANG TELAH BERLAKU KEPADA	

UMATINI .....	40
Fakta Sejarah dan Realiti Umat Islam Masa Kini	
Membuktikan Ketepatan Perkhabarhan Al-Quran dan	
Hadis Di Atas .....	42
<b>Bab 4</b>	
PUNCA UTAMA PERPECAHAN UMAT ISLAM:	
PENYELEWENGAN AKIDAH .....	48
i. Akidah dan Rukun Iman .....	48
ii. Rukun Iman yang "Ghaib" .....	50
iii. Akidah atau Iman Mesti Dibina Atas Kefahaman Jelas dan Bukan Atas Sangkaan (الظن) dan Keraguan.....	53
iv. Akidah Rosak Punca Perpecahan Umat Islam .....	55
<b>Bab 5</b>	
KEUNIKAN AKIDAH DAN IMPAKNYA TERHADAP MANUSIA .....	58
<b>Bab 6</b>	
PERMULAAN PERPECAHAN UMAT ISLAM:	
KEMUNCULAN GOLONGAN KHAWARIJ DAN SYIAH.....	64
<b>Bab 7</b>	
KESERIUSAN PENYELEWENGAN AKIDAH DALAM ISLAM .....	68
<b>Bab 8</b>	
TIPU MUSLIHAT SYAITAN .....	74
<b>Bab 9</b>	
PERJALANAN YANG TERRALU LAMA DAN PERIT TETAPI "BERHASIL" .....	87
<b>Bab 10</b>	
KEPENTINGAN MEMPELAJARI SEJARAH PERGOLAKAN AKIDAH ISLAM .....	91
<b>Bab 11</b>	
POLA PERPECAHAN UMAT ISLAM .....	94



## Bab 12

SETIAP GOLONGAN MENDAKWA HANYA MEREKA YANG BENAR, SELAIN MEREKA SEMUANYA SESAT: RUJUKAN DAN PENDALILAN YANG ROSAK.....	97
i. Sumber Rujukan yang Rosak.....	98
a.) Nas yang dirujuk adalah lemah atau tidak sahiih.	99
b.) Sumber rujukan yang bidaah.....	105
ii. Tafsiran yang Salah.....	107

## Bab 13

PENYELEWENGAN AKIDAH YANG BERLAKU TERLALU LAMA TELAH MENYEBARLUASKAN KEJAHILAN DI KALANGAN UMAT INI .....	110
---	-----

## Bab 14

UMAT INI AKAN MENGIKUT JEJAK LANGKAH AHLI KITAB.....	115
--	-----

## Bab 15


SEBAHAGIAN DARIPADA ISU-ISU ASASI YANG TELAH LAMA DILEPAS PANDANG DAN MASIH KURANG DIFAHAMI OLEH MAJORITI UMAT ISLAM DALAM MASYARAKAT INI .....	121
---	-----

## Bab 16

ANTARA AKIDAH HAK DAN AKIDAH BATIL .....	139
i. Kayu Ukuran Bagi Menilai dan Membezakan Antara Akidah Hak dan Akidah Batil .....	140
ii. Perbandingan Antara Ciri-Ciri Akidah Hak dan Ciri-Ciri Akidah Batil .....	145
iii. Dalil Bagi Ciri-Ciri Akidah Hak yang Disebut Di Atas	153

## Bab 17

METODE PENDEKATAN DALAM DAKWAH DAN ISLAH [PEMULIHAN].....	160
i. Perlaksanaan Proses Tasfiyah (التصفيّة) dan Tarbiyah (التربية) .....	163



ii.	Keberkesanan Metode “Tasfiyah dan Tarbiyah” Dalam Dakwah dan Islah .....	172
iii.	Buang yang Keruh, Ambil yang Jernih.....	177

**Bab 18**

PENDIRIAN DAN TINDAKAN YANG HARUS DIAMBIL UNTUK KEMBALI DAN ISTIQAMAH DI ATAS SIRATULLAH AL-MUSTAQIM .....	181
--	-----

i.	Kembali Kepada Bimbingan Al-Quran dan Hadis Mengikut Prioriti: Dengan Mendahulukan Islah Sumber Rujukan dan Pendalilan; Disusuli Islah Akidah, Seterusnya Islah Ibadat .....	182
ii.	Menjauhi atau الظن Bersangka-sangka Dalam Semua Urusan Agama Terutamanya Dalam Akidah .....	184
iii.	Membuka Minda dan Berlapang Dada .....	186
iv.	Melihat Gambaran Islam dan Memahami Konsepnya Dari Perspektif yang “Menyeluruh” serta Memahami Isu Berkaitan “Prioriti” Dalam Agama .....	191
v.	Mengukuhkan Kefahaman dan Pegangan Terhadap Ilmu Islam Sebenar Dengan Mendalami Ilmu Berkaitan Kebatilan yang Telah Mencemarinya .....	193
vi.	Kesabaran Dalam Usaha Islah dan Pembaiakpulihan.	206

**Bab 19**

PERINGATAN .....	208
------------------	-----

**Bab 20**

PENUTUP .....	213
---------------	-----